



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **KELUARGA HARMONI NEGARA MADANI, KPWKM TEKAD BANGUN MASYARAKAT MELALUI PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA**

**PUTRAJAYA, 4 NOVEMBER** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kesudian untuk merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) Tahun 2023, di Dataran Putrajaya pada hari ini.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023 merupakan platform penting bagi menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas cerminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera. Tema Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2023 iaitu "Keluarga Harmoni, Negara MADANI" sememangnya sinonim dan seiring dengan modenisasi dalam kehidupan masyarakat masa kini. BKK turut disambut di setiap negeri sepanjang November sebagai tanda sokongan dan kerjasama strategik rentas agensi, jabatan dan kementerian dalam memartabatkan institusi keluarga.

KPWKM terus perkukuh institusi keluarga melalui Bulan Keluarga Kebangsaan. Sempena sambutan BKK 2023, Anugerah Khas Kasih MADANI diperkenalkan kepada majikan yang melaksanakan amalan dan polisi mesra keluarga di agensi dan syarikat masing-masing. Anugerah ini bertujuan mengiktiraf amalan baik majikan yang memberi sokongan kepada usaha Kerajaan bagi membantu rakyat dalam mengimbangi kerja dan keluarga (*work life balance*).

Sambutan BKK 2023 turut diwarnai dengan pengisian beberapa aktiviti bersama keluarga seperti *Zumba Keluarga* dan *Family Fun Walk* sepanjang (lima) 5 kilometer sekitar Putrajaya. Selain itu, sambutan turut dimeriahkan melalui Ekspo KASIH MADANI, 45 buah khemah pempamer, 180 buah reruai dan 8 unit bergerak termasuk gerai Jualan RAHMAH serta aktiviti Mini Karnival Kasih MADANI yang berlangsung sehingga Ahad, 5 November 2023.

Pelaksanaan Kempen KASIH MADANI: Keluarga Harmoni, Negara MADANI adalah cerminan usaha KPWKM dalam memperkasa institusi keluarga sebagai tulang belakang dalam membentuk Malaysia MADANI yang progresif. KPWKM mendokong konsep KASIH MADANI dalam menerapkan sifat penyayang di dalam institusi keluarga yang terdiri daripada kepelbagaian generasi sebagai asas pembentukan negara yang sejahtera.

KPWKM komited memberi perhatian kepada aspek institusi kekeluargaan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memberi tumpuan tentang perkara asas, iaitu kesejahteraan keluarga.

**“KELUARGA HARMONI, NEGARA MADANI”**

**####**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
4 NOVEMBER 2023**